



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	02/06/2012

'Saya tak selesa kisah hidup dilakonkan

Dr Mahathir lebih gemar berbicara mengenai parti, kerajaan berbanding sentuh hal peribadi

Oleh Serimah Mohd Sailehuddin
serima@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengaku kurang selesa apabila kisah hidupnya diangkat ke pentas teater.

Tokoh berusia 87 tahun itu sebaliknya lebih selesa berbicara mengenai parti dan kerajaan, bukannya perkara menyentuh hal peribadi beliau.

"Saya kurang senang orang tahu mengenai hal peribadi saya. Saya tidak suka bercerita hal peribadi kepada orang, kerana itu saya melarang menggunakan nama mahupun gambar untuk tujuan tertentu.

"Saya lebih selesa berbicara mengenai hal parti dan kerajaan, tetapi bukan kisah sendiri kerana saya berasa malu untuk bercerita kisah saya," katanya ketika ditemui pada sesi perjumpaan diatur penerbit teater Tun Siti Hasmah, World Islamic Network Television (WINTV), di sini, semalam.

Pada 2010, sebuah muzikal mengenai beliau pernah dipentaskan di Istana Budaya, di sini. Pementasan Muzikal Tun Mahathir yang dibintangi Esma Daniel itu sekali lagi dipentaskan pada Januari tahun lalu.

Pada sesi selama hampir 45 minit itu, pengarah teater, Adlin Aman Ramlie mengambil peluang berta-

*"Saya lebih selesa
berbicara mengenai
hal parti dan
kerajaan, tetapi
bukan kisah sendiri
kerana saya berasa
malu untuk bercerita
kisah saya"*

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

nyakan pelbagai soalan mengenai sejarah hidup Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Meskipun dianggap pemimpin waja, Mahathir sebenarnya seorang yang pemalu.

Tatkala ditanya apakah panggilan manja antara beliau dan isteri, dengan wajah tersipu malu, Dr Mahathir mendedahkan memanggil Siti Hasmah dengan panggilan 'yang'.

Sementara itu, Siti Hasmah turut mengakui kurang selesa kisah hidupnya diangkat menjadi naskhah teater. Oleh itu, dia memberi kata dua, jika hidupnya dipapar kepada masyarakat, dia mahu kisah ketika

berkhidmat di Hospital Alor Star dijadikan titik utama perjalanan cerita.

"Tiada apa yang istimewanya mengenai diri saya untuk dijadikan teater. Saya hanyalah wanita biasa. Tetapi saya berharap teater ini kelak dapat memberi manfaat dan inspirasi kepada wanita di luar sana," katanya.

Teater Tun Siti Hasmah terbitan syarikat milik suami kepada pelakon Umie Aida, Datuk Paduka Khairuddin Abu Hassan akan dipentaskan pada 30 Ogos sehingga 8 September depan di Istana Budaya.

Watak Siti Hasmah akan dibawakan oleh Erra Fazira, atas persetujuan Siti Hasmah sendiri.